

19 OCT 2003

Sukan-Berbasikal

ANUGERAH MERIT UCI UNTUK DR MAHATHIR

GENTING HIGHLANDS, 19 Okt (Bernama) -- Sokongan padu yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir kepada penganjuran beberapa acara berbasikal bertaraf dunia di negara ini wajar diberi penghargaan, kata Presiden Persekutuan Berbasikal Asia (ACC) Datuk Seri Darshan Singh Gill.

"Ahli lembaga pengurusan UCI (Persekutuan Berbasikal Antarabangsa) telah memutuskan bahawa anugerah merit UCI wajar diberikan kepada Perdana Menteri," katanya ketika ditemui pemberita pada acara berbasikal "Cabaran Genting - Penghargaan kepada Perdana Menteri" di sini, hari ini.

Malaysia amat terhutang budi kepada Dr Mahathir kerana sumbangan beliau itu telah menaikkan nama Malaysia sebagai antara venue utama beberapa acara berbasikal bertaraf dunia.

Darshan yang juga anggota lembaga UCI berkata anugerah berkenaan diberikan oleh UCI kepada individu yang telah banyak memberi sumbangan dalam pembangunan sukan berbasikal.

Namun menurut beliau tarikh penyerahan anugerah merit UCI itu belum ditetapkan lagi dan akan dilakukan dalam tempoh terdekat sebelum Dr Mahathir bersara daripada jawatan Perdana Menteri.

Antara acara berbasikal yang mengharumkan nama negara sebagai venue perlumbaan dalam kalendar acara UCI termasuk Le Tour de Langkawi, Kejohanan Berbasikal Dunia 1997 dan Kejohanan Trek Piala Dunia 2000-2001.

Darshan berkata keputusan UCI untuk menyampaikan anugerah itu dibuat pada mesyuarat ahli lembaga UCI yang diadakan semasa berlangsungnya Kejohanan Berbasikal Dunia di Hamilton, Kanada pada 9 Okt lalu.

Sementara itu Timbalan Presiden PKBM Datuk Naim Mohamad merangkap pengerusi penganjur berkata, kepayahan dan kesukaran untuk mendaki tanah tinggi Genting Highlands ini secara simbolik membayangkan cabaran yang dihadapi Perdana Menteri selama beliau mentadbir negara.

Pendakian di Genting Highlands hanya dapat dilakukan oleh pelumba yang mempunyai kekuatan fizikal dan mental.

Seramai 350 pelumba menyertai acara berbasikal "Cabaran Genting - Penghargaan Kepada Perdana Menteri" anjuran Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM).

Acara itu memerlukan peserta membuat kayuhan sejauh 30 kilometer mendaki Genting Highlands bermula di Batang Kali. Pelumba diberi masa selama lima jam untuk menamatkan kayuhan mereka.

Menurut Naim seramai 22 pelumba yang sampai dahulu ke garisan penamat akan diberi penghormatan untuk sama-sama mengiringi dan menyampaikan anugerah merit UCI kepada Perdana Menteri.

"Kami pilih seramai 22 orang pemenang itu sebagai memperingati jasa bakti Dr Mahathir selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri," katanya.

Bekas pelumba negara yang kini baru membuka langkah untuk kembali aktif Shahrizan Selamat, 20, adalah pelumba pertama sampai ke garisan penamat dengan catatan masa 1 jam 35 minit 25 saat.

-- BERNAMA

FA NER PR